

21 AUG 2004

ABDULLAH RASMI PERHIMPUNAN PARTI KOMPONEN BN PERTAMA SEBAGAI PM

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-58, perhimpunan parti komponen Barisan Nasional (BN) pertama dirasmikannya sejak menjadi Perdana Menteri pada Oktober tahun lepas.

Perdana Menteri tiba di Kompleks Belia dan Kebudayaan di sini pada kira-kira 9.30 pagi dan disambut oleh Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu serta semua pemimpin tertinggi parti itu.

Beberapa minit sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba ke perhimpunan tersebut.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas presiden MCA Tun Dr Ling Liong Sik, bekas timbalan presiden MCA Tan Sri Lim Ah Lek serta pemimpin parti komponen BN lain.

Perhimpunan itu dimulakan dengan ucapan dasar oleh Samy Vellu dan diikuti dengan ucapan perasmian oleh Abdullah yang menyentuh mengenai integrasi nasional supaya negara terus menikmati kemakmuran.

Ucapan Perdana Menteri selama 30 minit mengenai pelbagai isu negara dan kaum India menerima sambutan hangat daripada lebih 4,000 perwakilan yang mula berhimpun di kompleks itu sejak 7 pagi tadi.

-- BERNAMA

SR DC MOZ